

Pengeluar perlu penuhi piawaian

Oleh Kamal Ahmad

B.H. 17 AUG 1993

Trade - export

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengeluar tempatan perlu memenuhi piawaian antarabangsa supaya barangan yang berlabel "Made in Malaysia" dijamin sebagai barangan bermutu tinggi bagi pengguna di seluruh dunia.

Menurut Perdana Menteri, apabila label itu dapat diterima oleh pengguna antarabangsa, separuh daripada masalah pemasaran harangan eksport negara ini sudah diatasi.

Beliau berkata, piawaian antarabangsa yang ditetapkan harus dianggap sebagai satu cabaran yang mesti diatasi dan dibuktikan kepada masyarakat dunia bahawa Malaysia mampu bersaing dengan pengeluar terbaik antarabangsa.

"Justeru itu, kos yang tinggi di peringkat awal untuk menentukan barangan Malaysia mempunyai standard yang tinggi, adalah wajar dan menguntungkan.

"Mereka yang cuba mengeluar dan mengeksport barangan yang sub-standard sepatutnya dihalang dan dihukum kerana tindakan mereka menjejaskan kredibiliti barangan

lain dari Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian di majlis makan sempena Pameran Persatuan Kekabentuk dan Reka-cipta (Mindex) '93, di sini, malam ini.

Perdana Menteri berkata, pengeluar barangan juga tidak boleh lagi menganggap pengguna tempatan sebagai pengguna kelas dua herbanding pengguna antarabangsa.

"Pengguna tempatan kini turut menuntut barangan dan perkhidmatan yang bermutu setanding dengan nilai yang perlu mereka bayar," katanya.

Menurutnya, masyarakat Malaysia sebenarnya lebih kritikal kerana mereka masih menganggap barangan dari luar negara sebagai lebih baik daripada barangan tempatan.

Schubungan dengan itu, Dr Mahathir berharap semua pihak sama ada korporat atau syarikat kecil, berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan mutu dan nilai barangan Malaysia melalui program dari peringkat konsep sehingga peringkat pengeluaran ataupun pemasaran.

Perdana Menteri turut mengingatkan bahawa pe-

mindahan teknologi tidak memadai jika pengusaha tidak tahu memanfaatkannya dalam perusahaan milik sendiri.

"Kita juga perlu tahu menggunakan teknologi untuk penggunaan haru atau membuat inovasi lain supaya akhirnya kita akan dapat mencipta teknologi dan rekaan tulen. Apabila kita sampai ke tahap itu, kita akan benar-benar menjadi negara maju," katanya.

Dr Mahathir berkata, bangsa yang ingin maju perlu mengkaji dan menyoal semua perkara yang dibuat atau diterima untuk mencari kaedah lebih baik atau bentuk yang sesuai dengan alam serta pemikiran semasa.

"Contohnya, sesebuah kereta bertukar rupa dan memiliki kekuatan atau fungsi mekanikal atau elektronik yang lebih canggih setiap tahun kerana tidak akan ada keadaan sesuatu barangan begitu sempurna sehingga tidak boleh diperbaiki lagi.

"Oleh itu, usaha digabungkan untuk meningkatkan pembangunan teknologi supaya selaras dengan pembangunan ekonomi," katanya.